

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XV)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

5. Huraikan jumlah penumpang domestik dan luar negara yang berlepas dan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi Januari 2019 hingga Mac 2020.
- (a) Status pembinaan tempat letak kenderaan bertingkat?
  - (b) Status cadangan penaiktarafan Lapangan Terbang?
  - (c) Jumlah trip penerbangan yang dibatalkan sepanjang awal tahun 2020?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Jumlah penumpang domestik dan luar negara yang berlepas dan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dari Januari 2019 hingga Februari 2020 adalah sebanyak 9,496,456 orang. Walau bagaimanapun, data bagi bulan Mac 2020 tidak dapat diperolehi kerana masih dikemaskini oleh pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Perincian jumlah penumpang dari Januari 2019 hingga Februari 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Status kerja-kerja pembinaan tempat letak kenderaan bertingkat setakat awal bulan Mac 2020 adalah sebanyak 86%. Cadangan tempoh siap projek adalah pada penghujung April 2020. Namun kerja-kerja pembinaan di tapak terpaksa dihentikan buat sementara waktu atas arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan Persekutuan dan kemungkinan akan berlaku sedikit kelewatan dalam menyiapkan projek ini.

- (b) Status projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dari 6.5 mppa kepada 12 mppa kini telah mendapat kelulusan pelan Kebenaran Merancang daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan pihak perunding yang telah dilantik oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) juga telah membuat permohonan untuk kelulusan pelan bangunan. Buat masa ini, kerja pembinaan fizikal di tapak masih belum dijalankan kerana masih di peringkat tender.
- (c) Jumlah penerbangan yang dibatalkan sepanjang awal tahun 2020 adalah seperti berikut:

<b>Bulan</b>	<b>Jumlah Penerbangan</b>
Januari 2020	239
Februari 2020	525
Mac 2020	3195
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>3,959</b>

**JUMLAH PENUMPANG DOMESTIK DAN LUAR NEGARA YANG BERLEPAS  
DAN MENDARAT DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG  
DARI JANUARI 2019 HINGGA MAC 2020**

<b>MAKLUMAT PENUMPANG TAHUN 2019</b>		
<b>BULAN</b>	<b>ANTARABANGSA</b>	<b>DOMESTIK</b>
Januari	302,763	354,027
Februari	294,537	359,238
Mac	319,976	387,918
April	309,271	375,950
Mei	288,857	347,281
Jun	328,702	398,438
Julai	332,555	424,385
Ogos	312,753	414,403
September	284,131	367,920
Oktober	300,819	371,681
November	316,180	367,237
Disember	361,040	411,229
<b>Jumlah</b>	<b>3,751,584</b>	<b>4,579,707</b>
<b>MAKLUMAT PENUMPANG TAHUN 2020</b>		
<b>BULAN</b>	<b>ANTARABANGSA</b>	<b>DOMESTIK</b>
Januari	308,138	387,848
Februari	187,894	281,285
<b>Jumlah</b>	<b>496,032</b>	<b>669,133</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>4,247,616</b>	<b>5,248,840</b>
<b>Jumlah Penumpang Domestik &amp; Luar Negara :</b>		<b>9,496,456</b>

*Nota: Data bagi Mac 2020 tidak dinyatakan kerana masih di peringkat pengemaskinian pihak MAHB*